

# Parasit malaria serang saluran darah

## Info

### Diagnosis malaria:

- **Gejala** seperti selesema sukar dikesan.
- **Boleh** menjangkiti individu yang mengembara ke negara endemik.
- **Pemeriksaan** fizikal
- **Mengesan** gejala
- **Ujian** makmal darah
- **Ujian** 'dipstick' bagi mengesan antigen (protein) dalam contoh darah.

### Rawatan:

- **Boleh** dirawat dan dicegah.

→ Plasmodium knowlesii dipindahkan daripada monyet kepada nyamuk

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**N**egara dikejutkan dengan kes malaria dan pengesanan parasit baharu itu membatikan tiga kampung di Kuching, Sarawak.

Parasit dikenali sebagai Plasmodium knowlesii, dipindahkan daripada monyet yang dijangkiti kepada nyamuk Anopheles, seterusnya kepada manusia.

Selepas digigit dengan nyamuk

ini, parasit dilepaskan ke dalam salur darah dan bergerak ke hati di mana ia matang.

Kemudiannya masuk semula ke dalam salur darah dan mula menjangkiti sel darah merah menyebabkan gejala tipikal malaria.

Ketua Klinik Perubatan IMU Healthcare, Dr Verna Lee Kar Mun, berkata gejala malaria muncul tujuh hari sehingga sebulan selepas gigitan nyamuk.

### Serangan bermula dengan gigitan

Keadaan itu kata beliau, bergantung kepada spesies Plasmodium yang menjangkiti seseorang.

Katanya, serangan bermula daripada gigitan nyamuk sehingga muncul gejala antara tujuh hari sehingga sebulan.

"Ini adalah tempoh pengerasan dan gejala bergantung kepada spesies serta kesihatan individu secara umum," katanya.

Antara gejala umum termasuk demam, sakit kepala, rasa dingin dan muntah.

Serangan ini mungkin berlaku secara sederhana dan samar-samar berikutan sukar untuk mengenalpasti malaria pada peringkat awal.

### Komplikasi kerosakan organ

Gejala ini datang dan hilang berganti-ganti selang masa antara episod demam dan dingin bermula 24 sehingga 72 jam dalam kalangan lima spesies berkekaan.

Sesetengah spesies mungkin menyebabkan komplikasi serius seperti kerosakan jantung, paru-paru, buah pinggang atau otak hingga membawa maut.

Golongan berisiko diserang termasuk bayi, kanak-kanak di bawah lima tahun, wanita hamil dengan HIV/AIDs, penghijrah yang tidak diimunisasi, populasi yang berpindah dan pengembara.



Gejala malaria muncul tujuh hari sehingga sebulan selepas gigitan nyamuk"

**Dr Verna Lee Kar Mun,**  
Ketua Klinik Perubatan IMU Healthcare